

**KEKUASAAN POLITIK DALAM
AL-QUR'ĀN DAN AL-SUNNAH DAN
ANALISIS ISU-ISU POLITIK TERPILIH DI
MALAYSIA**

ABU HAFIZ BIN SALLEH HUDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**KEKUASAAN POLITIK DALAM
AL-QUR'ĀN DAN AL-SUNNAH DAN
ANALISIS ISU-ISU POLITIK TERPILIH DI
MALAYSIA**

oleh

ABU HAFIZ BIN SALLEH HUDIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2020

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allāh *subhānahu wa ta'ālā* atas nikmat kemampuan yang direzekikan kepada saya bukan sahaja dalam menyempurnakan tesis kajian peringkat doktor falsafah ini, namun dianugerahkan jua kemampuan mental dan fizikal sepanjang perjalanan peringkat akhir pasca-siswazah. Ia adalah pengalaman sangat berharga buat diri saya secara peribadi tatkala berbagai ujian dan cabaran yang terpaksa dihadapi. Namun dengan rahmat dan belas kasihan dari Allāh *subhānahu wa ta'ālā*, segala itu dapat diharungi dengan jayanya, *alḥamdulillāh*.

Saya juga sangat berterima kasih kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia diatas penganugerahan biasiswa Skim Latihan Akademik. Skim ini adalah sangat bermakna kerana ia menjadi tulang belakang kepada pembelajaran dan usaha saya dalam menyelesaikan tugas dan amanah seperti yang terkandung dalam ketetapan Skim Latihan Akademik.

Sekalung penghargaan saya ingin rakamkan kepada penyelia utama tesis ini, YBrs. Prof. Madya Dr. Jasni Sulong, yang telah menunjukkan dedikasi dan sokongan kepada saya secara peribadi sungguhpun terdapat kekangan yang berbagai sepanjang beliau menyelia tesis ini. Rasa terhutang budi juga saya ingin titipkan buat sahabat saya, Saudara Mohd Noor Ilham Ramli, individu yang mencetuskan idea awal penulisan konsep *al-Miṣdāqiyyah al-Ijtimā'iyah* semenjak perbincangan awal tentang tajuk tesis kajian ini di Oxford, United Kingdom sekitar tahun 2013. Tidak cukup dengan itu, beliau juga kerap memberikan pandangan dan semakan terhadap penulisan serta pengembangan idea bagi tema besar tesis kajian ini.

Setiap pelajar yang melalui perjalanan bagi menyelesaikan ijazah sarjana kedoktoran akan mempunyai cerita dan kisah tersendiri. Cerita dan kisah yang indah dan duka selalu saya kongsi dengan bonda kesayangan, Hjh. Latipah Ishak dan

mengharapkan doa dan redhanya bersama ayahanda, Hj. Salleh Hudin Sabran. Semoga keduanya senantiasa berada dibawah lindungan rahmat Allāh *subhānahu wa ta'ālā* dan dimasukkan ke dalam syurga-Nya. Begitu juga buat adik beradik saya dan semua ahli keluarga yang memahami tugas dan tanggungjawab yang saya pikul.

Terima kasih buat semua watak dan individu yang hadir secara langsung dan tidak langsung membantu saya sepanjang penyediaan tesis kajian ini. Saya tidak mampu menyenaraikan satu persatu nama kalian, namun yang pasti saya berdoa agar Allāh *subhānahu wa ta'ālā* membalas segala budi baik yang dihulurkan kepada saya sepanjang usaha keras dicurahkan bagi memastikan tugas ini dapat disempurnakan. *Jazākumullāhu khayran.*

SUSUNAN KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SUSUNAN KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI SINGKATAN.....	xi
SENARAI STATUT.....	xii
PANDUAN TRANSLITERASI.....	xiii
ABSTRAK.....	xv
ABSTRACT.....	xvii
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	8
1.3 Objektif Kajian.....	10
1.4 Persoalan Kajian.....	11
1.5 Skop dan Limitasi Kajian.....	11
1.6 Metodologi Kajian.....	13
1.7 Carta Alir Kajian.....	19
1.8 Definisi Operasional.....	20
1.9 Sorotan Literatur.....	21
1.9.1 Perkembangan dan Dinamika Klasik Penulisan Politik Islam.....	21
1.9.2 Politik Islam dalam Karya Penulisan Kontemporari.....	24
1.9.3 Kekuasaan Politik dalam Karya Ilmiah.....	30
1.9.4 Kedudukan Pilihan Raya dalam neraca Politik Islam Moden.....	32
1.9.5 Sejarah dan Kedudukan Pelaksanaan <i>al-Syari'ah</i> di Malaysia.....	34
1.9.6 Mandat Popular dalam Politik Islam.....	37

1.9.7	Analisis ke atas Kajian-Kajian Lepas.....	62
1.10	Kepentingan Kajian.....	65
BAB 2	KEKUASAAN POLITIK DAN MANDAT POPULAR DALAM AL-QUR'ĀN DAN AL-SUNNAH.....	67
2.1	Pendahuluan.....	67
2.2	Tanggungjawab Pemerintah Islam.....	69
2.3	Pengertian Kekuasaan Politik.....	71
2.3.1	Penggunaan Pecahan Perkataan <i>al-Tamkīn</i> dalam al-Qur'ān.....	72
2.3.2	Penggunaan Pecahan Perkataan <i>al-Tamkīn</i> dalam <i>al-Ḥadīth</i>	85
2.3.3	Kaitan dan Perbezaan antara <i>al-Tamkīn</i> dan <i>al-Istikhlāf</i>	92
2.3.4	Analisis Penggunaan Istilah <i>al-Tamkīn</i> dan <i>al-Istikhlāf</i>	101
2.4	Kaedah Pemerolehan Kekuasaan Politik dalam al-Sunnah, Amalan Ṣaḥābat dan Sejarah Pemerintahan Umat Islam.....	104
2.4.1	Kewafatan Nabī <i>ṣallallāhu 'alaihi wa sallam</i>	108
2.4.2	Saqīfah Bani Sā'idah dan Proses Pelantikan Abū Bakr sebagai <i>Khalīfah</i>	110
2.4.3	Kematian Abū Bakr dan Pemilihan 'Umar sebagai <i>Khalīfah</i>	114
2.4.4	Pembunuhan 'Umar dan Proses Pelantikan 'Uthmān sebagai <i>Khalīfah</i>	117
2.4.5	Pembunuhan 'Uthmān dan Proses Pelantikan 'Alī sebagai <i>Khalīfah</i>	124
2.4.6	Pembunuhan 'Alī dan Pengakhiran Pemerintahan <i>al-Khulafā' al-Rasyidūn</i>	129
2.4.7	Dinasti Umawiyah.....	131
2.4.8	Dinasti 'Abbāsiyyah.....	133
2.4.9	Dinasti 'Uthmāniyyah.....	135
2.5	Analisis Terhadap Kaedah Pemerolehan Kekuasaan Politik.....	136
2.5.1	Mandat Popular dalam Politik Islam.....	140
2.5.1(a)	Hujah Penolakan Mandat Popular dan Pilihan Raya.....	141

2.5.1(b)	Hujah Penerimaan Mandat Popular dan Pilihan Raya.....	148
2.6	Epistemologi Amalan Mandat Popular.....	151
2.6.1	Definisi Konseptual.....	152
2.6.2	Amalan Mandat Popular dalam Teks Klasik.....	152
2.6.2(a)	<i>Bai'ah al-'Aqabah</i>	155
2.6.2(b)	Pemimpin adalah dari Quraīsy.....	157
2.6.2(c)	Mengekalkan Bentuk Ka'bah.....	161
2.6.2(d)	Menolak Tawaran Quraīsy Mekah, Menerima Tawaran Wakil Yathrib.....	162
2.7	Latarbelakang Keperluan Amalan Mandat Popular dalam Politik Kontemporari.....	165
2.7.1	Contoh Penangguhan Pelaksanaan <i>al-Syarī'ah</i> dalam <i>Sīrah</i>	171
2.7.1(a)	Pemberian Harta <i>Ghanīmah</i> (rampasan perang) kepada Tentera Islam.....	171
2.7.1(b)	Pelaksanaan <i>Hudūd</i>	175
2.8	Syarat dan Kaedah Pelaksanaan Amalan Mandat Popular.....	177
2.8.1	<i>Al-Syarī'ah</i> sebagai Rujukan Asasi.....	179
2.8.2	Tidak Melibatkan Persoalan <i>'Aqīdah</i> dan <i>Akhlāq</i>	183
2.8.3	Penangguhan Pelaksanaan bukan Prinsip Asas.....	185
2.8.4	Mandat Besar melebihi 70-80%.....	186
2.8.5	Garis Masa Pelaksanaan dan Jangka Masa Semakan Semula.....	198
2.9	Kesimpulan.....	202
BAB 3	AMALAN MANDAT POPULAR DALAM POLITIK ISLAM DAN DEMOKRASI MODEN.....	203
3.1	Pendahuluan.....	203
3.2	Hubungan antara Mandat Popular dan Demokrasi.....	205
3.3	Demokrasi dalam Kesarjanaan Islam Moden.....	208
3.4	Demokrasi dalam Amalan Politik Dunia Islam Kontemporari.....	211

3.5	Rekod Amalan Demokrasi dan Mandat Popular di Barat.....	216
3.5.1	Demokrasi British dan Mandat Popular.....	216
3.5.2	Demokrasi Amerika Syarikat dan Mandat Popular.....	219
3.6	Kesimpulan.....	223
BAB 4 ANALISIS APLIKASI AMALAN MANDAT POPULAR DALAM ISU POLITIK TERPILIH.....225		
4.1	Pendahuluan.....	225
4.2	Malaysia: Sejarah dan Politik Kenegaraan.....	226
4.3	Hubungan antara Perkongsian Kuasa Parti Politik dan Kekuasaan Politik....	231
4.4	Latar Belakang Konflik Isu Politik-Agama di Malaysia.....	242
4.4.1	PAS dan Kepimpinan ‘Ulamā’	244
4.4.2	Merealisasikan Impian Pentadbiran Islam dan <i>Hudūd</i> melalui Kekuasaan Politik dalam Sistem Demokrasi.....	249
4.4.3	Polemik <i>Hudūd</i> di Malaysia.....	251
4.4.3(a)	Rancangan Pelaksanaan <i>Hudūd</i> di Kelantan dan Terengganu.....	251
4.4.3(b)	Kritikan dan Respon terhadap Enakmen Jenayah Syariah (II) 1993 Kelantan (Enakmen 1993).....	252
4.4.3(c)	Kesalahan Prosedur Perlembagaan dan Undang-Undang.....	254
4.4.4	Akta 355 dan Mahkamah Syariah.....	265
4.5	Analisis Aplikasi Amalan Mandat Popular untuk <i>Hudūd</i> dan Akta 355 di Malaysia.....	272
4.5.1	<i>Al-Syarī‘ah</i> sebagai Rujukan Asasi.....	274
4.5.2	Tidak Melibatkan Persoalan ‘ <i>Aqīdah</i> dan <i>Akhlāq</i>	277
4.5.3	Penangguhan Pelaksanaan bukan Prinsip Asas.....	277
4.5.4	Mandat Besar melebihi antara 70-80% Sokongan Rakyat.....	278
4.5.5	Garis Masa Pelaksanaan dan Jangka Masa Semakan Semula.....	280

BAB 5 KESIMPULAN.....	282
5.1 Pendahuluan.....	282
5.2 Dapatan Kajian.....	285
5.3 Implikasi Dasar.....	292
5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan.....	294
BIBLIOGRAFI.....	297
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.0 Keputusan Referendum <i>Brexit</i> 2016.....	191

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.0	Peringkat Pelaksanaan Referendum.....201
Rajah 1.1	Contoh Garis Masa Pelaksanaan Referendum.....281

SENARAI SINGKATAN

AUMDR	Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat
BN	Barisan Nasional
Cet	Cetakan
DAP	Democratic Action Party
DUN	Dewan Undangan Negeri
EU	European Union
H	Hijrah
Jil	Jilid
m/s	Muka surat
MCA	Malaysia Chinese Association
MIC	Malaysian India Congress
OIC	Organisation of Islamic Cooperation
PAS	Parti Islam se-Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
t.t.	Tanpa Tarikh
UAE	United Arab Emirates
UK	United Kingdom
UMNO	United Malayan National Organization
US	United States of America
IIUM	International Islamic University Malaysia

SENARAI STATUT

Halaman

Akta 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak - 1988)	257
Enakmen 13 Tahun 2015, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015) Bahagian III – Keterangan.....	259
Enakmen 13, Tahun 2015, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015), Bahagian I - Kesalahan-Kesalahan Hudud.....	261
Enakmen 4 Tahun 2002 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M.....	250
<i>European Union (Referendum) Bill 2013-14.....</i>	190
<i>European Union (Refrendum) Bill (HL Bill 63)</i>	190
<i>Early Parliament General Election Act 2019.....</i>	198
Perlembagaan Persekutuan.....	255
<i>Political Parties, Elections and Referendum Act 2000.....</i>	219

PANDUAN TRANSLITERASI

Panduan transliterasi dalam tesis ini berdasarkan kaedah ALA LC Romanization

Huruf Arab	Huruf Latin
ء	'
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y

ا / َ	ā
ي / ِ	ī
و / ُ	ū
يَّ	y

KEKUASAAN POLITIK DALAM AL-QUR'ĀN DAN AL-SUNNAH DAN ANALISIS ISU-ISU POLITIK TERPILIH DI MALAYSIA

ABSTRAK

Amalan politik, pentadbiran dan pemerintah umat Islam lebih seribu empat ratus tahun yang lalu telah berjalan dengan rekod sejarah tanpa panduan jelas dan terperinci yang diwariskan oleh Nabi *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* tentang bagaimana ia mesti diuruskan setelah ketiadaan baginda. Para *ṣaḥābat* dan umat Islam selepas itu berusaha sebaik mungkin memanfaatkan asas panduan umum yang ada dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah bagi mentadbir sebuah negara. Namun, semangat kumpulan Islamis pasca kemerdekaan dari penjajahan dalam negara umat Islam moden yang ingin kembali kepada amalan bernegara mengikut acuan Islam, kadangkala menjadikan beberapa juzuk kecil amalan pentadbiran Islam sebagai syarat utama identiti bernegara seperti pelaksanaan *ḥudūd*. Pelaksanaan demokrasi yang meletakkan mandat popular sebagai antara tonggak utama dalam pemilihan pemimpin dan penentuan keputusan telah membuatkan kodifikasi dan pelaksanaan hukum *ḥudūd*, sebagai contoh, dalam negara umat Islam tidak menjadi perkara yang mudah untuk diuruskan. Tiga objektif kajian ini adalah mengkaji pemerolehan kekuasaan politik (*al-Tamkīn*) dan mandat popular (*al-Miṣdāqiyyah al-Ijtimā'iyah*) dalam al-Qur'ān dan *al-Ḥadīth*, menyelidiki perbincangan teks Islam dan *ijtihād* ulamā' berhubung penangguhan pelaksanaan hukum *syara'* dalam negara serta menganalisis isu-isu politik terpilih dengan aplikasi referendum dalam menentukan status pelaksanaan sesebuah hukum *syarī'ah* dari perspektif Islam. Pendekatan penyelidikan kualitatif melibatkan kaedah deskriptif dan kajian perpustakaan lebih banyak digunakan kerana melibatkan kutipan pandangan, ulasan dan *ijtihād* melalui tulisan

para sarjana Islam. Manakala pendekatan kuantitatif melibatkan kaedah temubual dengan sejumlah tokoh berbagai latarbelakang dan terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam isu politik-agama yang dikaji. Keseluruhan data dan hasil temubual disaring secara induktif dan deduktif untuk dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Qur‘ān tidak memperincikan kaedah pemerolehan kekuasaan politik menggunakan pecahan perkataan *al-Tamkīn*, manakala penentuan keputusan melalui mandat popular punyai asas dan asal dalam rekod al-Sunnah. Begitu juga sememangnya terdapat bukti bahawa Nabī *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* pernah membuat penangguhan pelaksanaan hukum *syara’*. Selain itu, dua isu politik-agama terpilih dalam kajian ini terbukti memenuhi lima syarat pelaksanaan referendum melalui amalan Mandat Popular atau *al-Miṣdāqiyyah al-Ijtimā’iyyah* serta diyakini dapat menjadi solusi alternatif kepada permasalahan yang timbul.

**POLITICAL POWER IN AL-QUR‘ĀN DAN AL-SUNNAH: AN ANALYSIS
ON SELECTED POLITICAL ISSUES IN MALAYSIA**

ABSTRACT

The governing systems of a Muslim polity in history were more of a top-down approach, typically backed by a military might whereas, in the modern political system, a bottom-up approach through democratic systems and electoral practices is prevalent. As such, the stability and efficacy of a modern government depend heavily on its ability to command the confidence of and mandate from the people. This thesis seeks, in turn, to explain how absolute confidence and mandate from the people (*al-Tamkīn al-Tām*) facilitate the canonisation and subsequent implementation of Islamic laws in society. The intellectual pursuit is guided by three main objectives: first, to examine the discourse about acquisition of political power (*al-Tamkīn*) and the popular mandate (*al-Miṣḍāqiyyah al-Ijtimā‘iyyah*) in al-Qur‘ān and *al-Ḥadīth*; second, to investigate the debate surrounding the permissibility of moratorium of *syarī‘ah* laws enforcement in the country, through the lenses of Islamic texts and Muslim scholars’ *ijtihād*; and third, to analyse selected political issues, which may arguably shed some light on the plausibility of resorting to referendum in determining the status of the practical implementation of *syarī‘ah* laws from an Islamic perspective. Herein this thesis, a qualitative research approach, involving descriptive methods and libraries, is widely used as it involves the collection of views, reviews and *ijtihād* through the writings of Islamic scholars. While the qualitative approach involves the method of interviews with several important figures from various backgrounds who were directly and indirectly involved in the political-religious issues studied. The entire data and interview results were filtered inductively and deductively for analysis. The findings

show that despite the importance of *al-Tamkin* in politics, al-Qur‘ān does not detail the ways and means of securing political power, which may, therefore, include an electoral system and referendum. It is argued that the level of popular support enjoyed by the government may be a determining factor to suspend the implementation of *syarī‘ah* laws. Two political-religious issues which were selected as case study have met the five conditions for the implementation of referendum as a means to gauge the required Popular Mandate or *al-Miṣdāqiyyah al-Ijtimā‘iyyah*.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sistem politik Islam adalah satu bahagian dari keseluruhan ajaran Islam yang komprehensif. Walau bagaimanapun, persoalan sama ada sistem politik Islam itu telah diberi definisi dan penjelasan dengan baik, sempurna atau tidak, telah menjadi perbincangan dan ijtihād yang panjang dikalangan sarjana Islam klasik dan moden.¹

Di samping itu, kewujudan sistem politik yang diamalkan sejak zaman Nabī Muḥammad *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* telah dijadikan sebagai rujukan utama bagi pengurusan negara yang mempunyai ciri-ciri politik Islam. Segala tindak tanduk pentadbiran kerajaan sangat terikat dengan *naṣ* yang bersumber dari al-Qur‘ān, al-Sunnah, pandangan *ṣahābat* dan *tābi‘īn* seperti yang digambarkan sebagai amalan politik beberapa zaman oleh Abū Ishāq al-Fazārī dalam *al-Siyar*.²

Tujuan amalan politik dalam Islam telah dibahasakan dan diberikan takrifan oleh berbagai para sarjana silam dan kontemporari Islam. Antara pandangan mereka adalah:

- i. al-Māwardī: mewujudkan sebuah kerajaan bagi menjaga agama dan politik dunia.³
- ii. Ibn ‘Aqīl: untuk mendekatkan orang ramai kepada kebaikan dan menjauhkan mereka dari keburukan sungguhpun ia tidak disebutkan di dalam al-Qur‘ān mahupun al-Sunnah.⁴

¹ al-‘Uthmānī, Sa‘ad al-Dīn. (2016) **al-Daulah al-Islāmiyyah: al-Mafhūm wa al-Imkān**. al-Mansoūra: Dār al-Kalimah. m/s:13.

² al-Zubdāni, ‘Umar Anwar. (2011) **al-Siyāsah al-Syar‘iyyah ‘ind al-Juwainī: Qawā‘iduhā wa Maqāsiduhā**. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah. m/s:57.

³ al-Māwardī, ‘Alī bin Muḥammad. (2006) **al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah**. Kaherah: Dār al-Ḥadīth. m/s:15.

⁴ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Muḥammad bin Abī Bakr. (2001) **I’lām al-Muwaqqi‘īn**. Dammām: Dār Ibn al-Jauzī. Jil:6, m/s:512. Taḥqīq: Masyhūr bin Ḥasan āli Salmān.

- iii. al-Maqrīzī: politik Islam adalah bertujuan memelihara adab kesopanan dan kebaikan serta pengurusan kewangan.⁵
- iv. Ibn Najīm: politik Islam adalah bagi memandu pemerintah melaksanakan apa-apa kebaikan yang dirasakan perlu sungguh pun tiada dalil yang menetapkannya.⁶
- v. ‘Abd al-Wahhāb Khallāf: pengurusan hal ehwal awam bagi negara Islam bagi memastikan kebaikan dapat dicapai dengan mengelakkan kemudharatan selama mana ia tidak bercanggah dengan apa yang digariskan Islam.⁷

Maka, merumuskan keseluruhan dari pandangan-pandangan ‘ulamā’ diatas, dapat dirangkumkan bahawa tujuan berpolitik dalam Islam adalah bagi memastikan pengurusan negara dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar serta memenuhi tanggungjawab dan tuntutan beragama dalam sistem bernegara. Bagi melaksanakan tanggungjawab pemerintahan sama ada yang berkait dengan urusan pentadbiran atau tuntutan keagamaan dalam sebuah pentadbiran bernegara, sesebuah kerajaan itu perlu dan mesti mempunyai kekuasaan politik atau *al-Tamkīn* (التمكين). Dengan hanya memperolehi kepercayaan sebagai sebuah kerajaan yang dihormati dan diberikan kekuasaan politik menguruskan negara dan rakyat, maka kerajaan tersebut mampu beroperasi dengan stabil dan menjalankan fungsinya.

Cara pemerolehan kekuasaan politik dalam sejarah pentadbiran politik orang Islam selepas kewafatan Nabī *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* telah berubah sedikit demi

⁵ al-Maqrīzī, Aḥmad bin ‘Alī bin ‘Abd al-Qādir. (1996) *al-Mawā‘iz wa al-I’tibār bi Dzīkr al-Khuṭaṭ wa al-Āthār*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Jil:3, m/s:383.

⁶ Ibn Najīm, Zaīn al-Dīn bin Ibrāhīm. (1997) *al-Baḥr al-Rāiq Syarh Kanz al-Daqaīq*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Jil:5, m/s:18.

⁷ Khallāf, ‘Abd al-Wahhāb. (1988) *al-Siyāsah al-Syar‘iyyah fi al-Syu‘ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah*. Kuwaīt: Dār al-Qalam. m/s:17.

sedikit seiring dengan perubahan masa dan tempat. Pemerolehan kekuasaan politik di zaman awal Islam, seawal zaman *al-Khulafā' al-Rāsyidūn*, kaedah pemilihan keempat-empat mereka telah pun berubah menurut keperluan pada masa dan tempat ketika itu.

Maka, sangat penting memastikan sesebuah kerajaan itu benar-benar mempunyai kekuasaan politik kerana tanpanya sesebuah kerajaan atau individu mahupun parti tidak akan mampu menjalankan fungsinya sebagai kerajaan. Atau dalam erti kata lain, hanya apabila sebuah kerajaan itu secara sah memiliki kekuasaan politik atau mandat, ia mampu menggunakan kuasa dan kewenangannya bagi menjalankan arahan atau tuntutan agama dalam sistem bernegara. Arahan Allāh *subhānahu wa ta'ālā* sangat jelas seperti yang disebutkan dalam surah al-Ḥajj ayat 41:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا
عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Terjemahan: (iaitu) orang-orang yang jika Kami berikan kedudukan kekuasaan kepada mereka di muka bumi, niscaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat ma'rūf dan mencegah dari perbuatan yang munkar; dan kepada Allāh-lah kembali segala urusan.

Dari hakikat inilah timbul perbincangan yang akan dituntaskan dalam kajian ini iaitu bagi sebuah kerajaan orang Islam yang tidak memiliki kekuasaan politik atau *al-Tamkīn al-Tām* (kekuasaan politik sempurna), adakah kekal kewajipan untuk melaksanakan segala tuntutan agama dalam bernegara?

Pertanyaan ini muncul apabila meneliti struktur pemerintahan *khilāfah* yang berjalan dalam dunia Islam lebih seribu tahun lamanya, ia adalah sebuah kerajaan yang diketuai seorang *khalīfah* yang berkuasa mutlak. Sungguhpun *khalīfah* itu dinasihati dan dikawal oleh sejumlah tokoh yang dilantik ke satu jawatankuasa yang dinamakan *ahl al-Ḥall wa al-'Aqd* (penasihat *khalīfah*), jawatankuasa ini secara umumnya tidak

mampu mengawal kuasa dan tindakan *khalīfah* sepanjang rekod sejarah pemerintahan kerajaan Muslim. Malah, jawatankuasa ini juga mempunyai bidang kuasa dengan limitasi yang tidak jelas kepada *khalīfah*.⁸

Dalam struktur ini, kerajaan dan *khalīfah* mempunyai *al-Tamkīn al-Tām* (kekuasaan politik sempurna) dalam menggubal, melaksana dan menguatkuasakan apa-apa polisi, dasar dan undang-undang agama dalam sebuah negara. Sebarang keputusan adalah melalui pendekatan atas-ke-bawah atau *top-down approach* tanpa apa-apa kebimbangan risiko keamanan dan kestabilan berlaku dikalangan rakyat rentetan dari pelaksanaan keputusan yang ditetapkan oleh *khalīfah*.

Hal ini pula berbeza apabila meneliti amalan demokrasi moden yang mengamalkan pemilihan atau pemberian kekuasaan politik dan mandat untuk sebuah kerajaan melalui proses pilihan raya bagi pemenang suara majoriti. Proses pilihan raya dalam sistem demokrasi pula mempunyai kaedah penentuan pemenang melalui sama ada *first-past-the-post*⁹ atau *proportional representation*¹⁰ atau sistem 50%+1.¹¹ Seluruh sistem ini bukan sahaja lebih rumit berbanding sistem pemerintahan *khilāfah* malah ia juga lebih anjal dalam maksud perubahan komposisi perkongsian kuasa dalam kerajaan.

Ini kerana perkongsian kuasa melalui gabungan parti-parti politik secara logik dan realitinya bakal melibatkan kuasa dan parti politik orang bukan Islam khususnya di

⁸al-Raisūnī, Aḥmad. (2014) *al-Syūrā fī Ma'rakat al-Binā'*. Mansōura: Dār al-Kalimah. m/s:132.

⁹ Kaedah pilihan raya yang menetapkan mana-mana individu yang memperolehi undi terbanyak dalam satu-satu kawasan pilihan raya adalah diisytiharkan sebagai pemenang. Ian McLean & Alistair McMillan. (2009). *Oxford Concise Dictionary of Politics*. Oxford: Oxford University Press. Cet:3. m/s:201.

¹⁰ Dikenali juga sebagai perwakilan berkadar. Ia adalah suatu istem pengundian atau pilihan raya di mana keputusan akhir pilihan raya adalah berdasarkan kepada agihan undi yang diperolehi oleh setiap parti yang bertanding. *ibid.* m/s:438.

¹¹ Juga dikenali sebagai *two-round system* dan *run-off voting*. Ia bermaksud satu kaedah mengundi untuk memilih pemenang tunggal dari hanya dua senarai pilihan dalam pusingan kedua. **Two-Round System** (t.t.) [Online]. [Diakses pada 7 Ogos 2019]. Didapati dari <https://www.electoral-reform.org.uk/voting-systems/types-of-voting-system/two-round-system/>.

Malaysia. Oleh yang demikian, antara satu perkara yang perlu disedari, berkemungkinan sebahagian tuntutan Islam dan sistem bernegara tidak dapat dipersetujui dengan mudah atau ditentang sama sekali oleh mereka. Tatkala penguasaan ahli politik Islam yang tidak mencapai kepada sekurang-kurangnya dua pertiga wakil di dewan penggubalan undang-undang (seperti Parlimen atau Senat), kerajaan itu bakal tidak memiliki kemampuan bagi melaksanakan polisi atau undang-undang Islam dengan mudahnya. Keadaan ini dinamakan sebagai *al-Tamkīn al-Nāqis* (kekuasaan politik tidak sempurna) yang melibatkan pendekatan bawah-ke-atas atau *bottom-up approach*.

Sehubungan dengan itu, dipersetujui secara prinsip tanpa perbezaan pandangan bahawa tanggungjawab kerajaan Muslim yang diberikan kuasa di atas muka bumi adalah untuk melaksanakan arahan Allāh *subḥānahu wa ta'ālā* dalam sistem kenegaraan dengan memiliki kekuasaan politik sempurna. Namun, yang perlu dan bakal diselesaikan dalam kajian ini adalah sama ada tahap pemilikan kekuasaan politik mampu mempengaruhi keputusan kerajaan dalam melaksanakan undang-undang atau polisi Islam dalam negara.

Hakikatnya, bagi sebuah kerajaan yang diterajui dan dikuasai oleh seorang Muslim, Ibn 'Āsyūr berpandangan bahawa menjadi sebuah keperluan bagi pemerintah Islam untuk memastikan asas-asas agama di dalam pemerintahan ditegakkan serta dijalankan setelah dikurniakan kemenangan dan kuasa serta menjalankan perundangan yang selari dengan Islam.¹²

Dengan tanggungjawab agama dalam kehidupan bernegara dan sistem politik demokrasi moden, ia telah membuatkan kelompok Islamis sentiasa cuba mengadaptasi dan mengharmonikan gerakan mereka dengan sistem demokrasi moden itu. Oleh yang

¹² Ibn 'Āsyūr, Muḥammad Ṭāhir bin Muḥammad. (1984) **al-Taḥrīr wa al-Tanwīr**. Tunisia: al-Dār al-Tūnisīyah. Jil:17, m/s:280.

demikian, Dr. Aḥmad al-Raisūnī menggambarkan perkembangan politik moden dalam sistem demokrasi telah memberikan satu anjakan paradigma yang cukup besar terhadap kelompok Islamis terutama intra gerakan politik Islam.¹³ Sehingga kelompok gerakan Islam itu boleh dibahagikan sama ada menerima atau menolak demokrasi moden ini secara total.¹⁴

Di Tunisia pula terdapat seorang tokoh agama dan aktivis politik Islam yang cukup dikenali iaitu Rashīd Ghanoūchī. Beliau antara lain cuba menonjolkan sebuah idea politik dengan menjadikan demokrasi moden dan Islam wujud secara hibrid yang bergerak seiringan. Apa yang cuba dibuktikan oleh Ghanoūchī ialah demokrasi tidak menjadi musuh kepada Islam dan Islam pula tidak memusuhi demokrasi atau memilih hanya salah satu dari keduanya. Untuk itu, sekularisme yang memisahkan peranan dan unsur agama dalam urusan pentadbiran politik dapat dielakkan atau tidak diperlukan.

Oleh yang demikian, kelompok Islamis yang berpandangan seperti Ghanoūchī diatas, tidak bermasalah untuk menerima perubahan pendekatan politik yang menjadikan orang ramai (*majority factor*) sebagai penentu dalam pemilihan pemimpin atau kerajaan, atau penggubalan mahupun penetapan dasar-dasar utama negara dengan mengambil sebahagian prinsip umum demokrasi. Namun, mereka membenarkan amalan pilihan raya dan demokrasi dengan syarat-syarat tertentu.¹⁵ Syarat-syarat yang ditetapkan itu adalah sudah tentu amalan mandat popular melalui sistem demokrasi dan sokongan majoriti yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip yang digariskan seperti termaktub dalam al-Qur‘ān dan *al-Ḥadīth* (undang-undang Islam).

¹³ al-Raisūnī, Aḥmad. (2014) **al-Fikr al-Islāmī wa Qadhāyānā al-Siyāsāt al-Mu‘āshirāt**. al-Manṣūrah: Dār al-Kalimah. m/s:75.

¹⁴ al-Dallāl, ‘Abdullāh Sāmī Ibrāhīm. (2007) **al-Islāmiyyūn wa Sirāb al-Dīmuqrāṭiyyah: Dirāsah Uṣūliyyah li Mushārahāt al-Islamiyyīn fi al-Majālis al-Niyābiyyah**. Kaherah: Maktabah Madbūlī. m/s:15.

¹⁵ Nader Hashemi. (2009) **Islam, Secularism and Liberal Democracy: Toward a Democratic Theory for Muslim Societies**. Oxford: Oxford University Press. m/s:xi.

Menyedari hakikat polemik ini, dalam satu perspektif, dapat disedari bahawa ramai pengamal politik pasca-Islamisme dalam dunia Islam masih kekal terperangkap dalam pemikiran klasik yang menolak perkembangan amalan politik moden seperti demokrasi dan sistem pilihan raya, hanya kerana keduanya tidak wujud dalam amalan politik generasi awal Islam atau tidak dibincangkan dalam tulisan kesarjanaan politik Islam yang awal.¹⁶

Kewujudan amalan politik moden yang sangat dominan di dunia semasa ditambah pula ketidaksiharian antara amalan politik tersebut dengan apa yang tersedia di dalam kitab-kitab *fiqh* Islam klasik, telah menyumbang kepada wacana perdebatan di kalangan sarjana Islam sama ada amalan politik semasa adalah dibenarkan atau pun tidak dalam Islam.

Mengambil kira sistem pemerintahan yang bersifat monarki mutlak yang sudah berkurangan dan gagal berfungsi sebaiknya bahkan mengenyahkan unsur keterbukaan, kebebasan, ketelusan dan semak-imbang dalam negara, ianya telah mencetuskan angin perubahan politik di negara-negara yang terlibat.¹⁷

Meletakkan peranan dan keterlibatan masyarakat awam secara aktif mampu mengelakkan ketidakstabilan politik sesebuah negara. Dengan penglibatan mereka secara demokratik dan bebas, diyakini mampu mengelakkan risiko revolusi bersenjata dan berdarah serta perang saudara dalam sesebuah negara. Untuk itu, ruang kebebasan dan keterbukaan mesti dan perlu diserahkan kepada masyarakat awam dengan adil dan jujur agar sistem demokrasi itu dapat berjalan dengan baik dan sempurna.¹⁸

¹⁶ al-Raisūnī. **al-Fikr al-Islāmī wa Qadhāyānā al-Siyāsāt al-Mu'āṣirāt**. m/s:78-82.

¹⁷ Dabashi, Hamid. (2016) **The Future of Democracy in the Muslim World** [Online]. [Diakses pada 26 Oktober 2016]. Didapati dari <http://www.aljazeera.com/indepth/opinion/2016/10/future-democracy-muslim-world-161026073928966.html>.

¹⁸ Hutchinson, Allan & Colón-Ríos, Joel I. (2011) **Democracy and Revolution: An Enduring Relationship?** Denver University Law Review, Forthcoming; Victoria University of Wellington Legal Research. [Online]. Paper No. 19/2013. [Diakses pada 3 November 2016]. Didapati dari SSRN: <https://ssrn.com/abstract=1895450>.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bagi mengemukakan satu tesis baru tentang peranan dan kedudukan sokongan rakyat iaitu mandat popular (*al-Miṣdāqiyyah al-Ijtimā'iyah*) dalam *fiqh* politik Islam. Dalam kata lain, saiz sokongan rakyat dalam politik moden yang bersifat pendekatan bawah-ke-atas (*bottom-up approach*) mampu menatijahkan pelaksanaan atau penangguhan sesuatu pelaksanaan hukum syara' dalam negara majoriti umat Islam. Permasalahan yang timbul pada kitaran kajian ini adalah:

1. Kewafatan Nabī *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* telah memulakan satu keadaan baru kepada para ṣahābat baginda dalam menguruskan pentadbiran negara dan agama. Corak pemilihan *al-Khulafā' al-Rāsyidūn* dan gaya pemerintahan mereka telah dijadikan asas utama model pentadbiran Islam sehingga ia dianggap sebagai kaedah pemilihan dan pentadbiran pemimpin atau kerajaan yang terbaik dan Islamik.¹⁹ Maka, proses pelantikan atau kaedah pemilihan kerajaan yang berubah-ubah khususnya diantara empat *al-Khulafā' al-Rasyidūn* telah mencetuskan perbincangan ilmiah tentang persoalan sama ada proses dan kaedah ini adalah seragam atau sebaliknya? Ditambah pula dengan senarai tanggungjawab sesebuah pentadbiran dan kerajaan yang seringkali diperdebatkan antara tanggungjawab pengurusan negara dalam realiti semasa negara itu dan pelaksanaan arahan agama dalam bernegara seperti yang ditetapkan oleh *naṣ-naṣ syara'*. al-Qaradhāwī menyebutkan kelompok-kelompok yang membincangkan pertembungan antara tanggungjawab pengurusan negara dan arahan agama dalam bernegara itu sebagai *mutasayyibīn* (tidak terikat dengan *naṣ* dan disiplin *syara'*), *harfiyyīn* (beku dan kekal dengan suasana politik lama dan menolak realiti semasa) dan

¹⁹ al-Zubdānī, 'Umar Anwar. (2011) *al-Siyāsah al-Syar'iyah 'ind al-Juwainī: Qawā'iduhā wa Maqāsidihā*. m/s: 57.

wasatīyyīn (pertengahan yang menggabungkan antara *fiqh syara'* dan *fiqh semasa*).²⁰

2. Terdapat beberapa unsur pemerintahan kerajaan Islam yang dilihat fundamental seperti pelaksanaan *hudūd* telah menjadi desakan dikalangan aktivis dan ahli politik Muslim.²¹ Pelaksanaan *hudūd* adalah dianggap sebagai suatu kemestian dalam memenuhi kriteria pembinaan negara Islam.²² Walaupun pelaksanaan hukuman jenayah Islam telah tergantung dan tidak dilaksanakan secara sempurna di zaman 'Abbāsiyyah semasa pemerintahan Hārūn al-Rashīd, seperti yang dijelaskan oleh al-Qādhī Abū Yūsuf al-Ḥanafī, namun ia telah dianggap hari ini menjadi kriteria utama sesebuah pemerintahan Islam pasca kejatuhan *khilāfah Islāmiyyah*.²³ Halangan pelaksanaan ini, sama ada melalui undang-undang atau penolakan oleh masyarakat awam, sebagai lambang permusuhan ke atas Islam dan telah meletakkan umat Islam di dalam perpecahan yang serius.²⁴
3. Pemilihan kerajaan secara demokrasi melalui sistem pilihan raya adalah salah satu bentuk medium penglibatan masyarakat awam dalam menentukan sebuah keputusan penting negara. Dalam konteks Malaysia, telah timbul sekian lama isu melibatkan pelaksanaan undang-undang *al-Syarī'ah* sehingga mengheret kepada krisis perlembagaan dan ketegangan antara umat Islam yang majoriti

²⁰ al-Qaradhāwī, Yūsuf. (2011) **al-Siyāsah al-Syarī'iyah fi Dhaw'i Nuṣūṣ al-Syarī'ah wa Maqāsidahā**. Kaherah: Maktabah Wahbah. Cet:4. m/s:8-9.

²¹ Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS) memberikan gambaran wajibnya pelaksanaan *hudūd* dalam sebuah kerajaan bernegara. **Hudud Milik Allah, Bukan Milik PAS atau UMNO** (2015) [Online]. [Diakses pada 4 November 2016]. Didapati dari <http://www.sinarharian.com.my/nasional/hudud-milik-allah-bukan-pas-atau-umno-1.382402>.

²² Kenyataan Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang menekankan bahawa Malaysia perlu melaksanakan *hudūd* berdasarkan latar sejarah Islam Tanah Melayu dan kemampuan Brunei. **Malaysia Perlu Laksana Hudud** (2013) [Online]. [Diakses pada 4 November 2016]. Didapati dari <http://www.sinarharian.com.my/wawancara/malaysia-perlu-laksana-hudud-1.230954>.

²³ al-'Awā, Moḥammad Salīm. (2000) **Punishment in Islamic Law: A Comparative Study**. Plainfield: American Trust Publication. m/s: 136-137.

²⁴ al-Dallāl. **al-Islāmiyyūn wa Sirāb al-Dimuqrāṭiyyah**. m/s:14-27.

dan minoriti bukan Islam. Polemik *hudūd* dan cadangan pindaan Akta 355 telah meletakkan umat Islam dan kerajaan Malaysia dalam dilema untuk mengambil pendirian dalam menentukan posisi dan polisi negara berkenaan pelaksanaan undang-undang *al-Syarī'ah*. Dalam waktu yang sama ia menjadi cabaran untuk menguruskan isu sensitif berkaitan agama yang mana keputusan yang ingin diambil bagi kepentingan masyarakat awam tersebut boleh disalahfahami sama ada dianggap tidak Islamik atau tidak menjaga sensitiviti masyarakat bukan Islam.²⁵

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

- a. Mengkaji corak pemerolehan kekuasaan politik melalui penggunaan perkataan *al-Tamkīn* dan amalan penentuan melalui mandat popular (*al-Miṣdāqiyyah al-Ijtīmā'iyyah*) dalam Islam melalui penelitian *naṣ-naṣ* al-Qur'ān dan *al-Ḥadīth*.
- b. Menyelidiki tafsiran al-Qur'ān, kefahaman dari al-Sunnah dan ijtihād para sarjana Islam dalam masalah penangguhan pelaksanaan sesebuah hukum *syara'* dalam pentadbiran negara.
- c. Menganalisis isu-isu politik terpilih berkenaan politik yang punyai hubungkait rapat dengan agama dan amalan penentuan melalui mandat popular bagi mengaplikasikan referendum atau pungutan suara untuk menentukan status pelaksanaan sesebuah hukum *syarī'ah* dari perspektif Islam dalam konteks politik Malaysia.

²⁵ **RUU 355: Tak Bentang Bukan Bermakna Tak Sokong** (2017) [Online]. [Diakses pada 31 Mac 2017]. Didapati dari <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/ruu-355-tak-bentang-bukan-bermakna-tak-sokong-1.464147>.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang timbul menerusi kajian ini adalah:

- 1- Apakah corak dan kefahaman kekuasaan politik (*al-Tamkīn*) serta hukum penetapan keputusan menggunakan mandat popular (*al-Miṣdāqiyyah al-Ijtimā'iyah*) dalam *naṣ-naṣ* al-Qur'ān dan *al-Ḥadīth*?
- 2- Adakah al-Qur'ān ataupun *al-Ḥadīth* membenarkan sebuah kerajaan menangguhkan sesuatu pelaksanaan hukum *syara'*?
- 3- Apakah kesesuaian dan keberkesanan referendum atau penentuan melalui mandat popular (*al-Miṣdāqiyyah al-Ijtimā'iyah*) dalam kerangka politik Malaysia bagi pengaplikasiannya menyelesaikan isu-isu politik yang terpilih?

1.5 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian akan dibataskan kepada penentuan sama ada sokongan awam mampu memberikan kesan terhadap penangguhan pelaksanaan sesuatu hukum *syara'* yang dianggap perlu dalam pentadbiran sebuah negara yang bertunjangkan Islam. Memperlihatkan tiada keperluan yang sangat mendesak bagi mempelbagaikan sumber kajian diluar kerangka perbahasan *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dalam konteks isu politik terpilih di Malaysia, maka hanya rujukan-rujukan dan perbandingan intra mazhab *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* tanpa melibatkan rujukan dan pandangan mazhab *Syī'ah*, *Ibādhi*, *Khawārij* dan seumpamanya dalam kajian ini.

Hasil dan dapatan kajian ini akan menentukan kedudukan tanggungjawab sesebuah pentadbiran Muslim dalam urusan pelaksanaan undang-undang Islam dalam negara atau memberikan pilihan jalan keluar kepada polemik pelaksanaan undang-undang Islam yang diperdebatkan antara pro dan kontra.

Dalam waktu yang sama, ia juga dapat menghasilkan satu rumusan kajian *fiqh siyāsah* (*fiqh* politik) tentang penglibatan masyarakat awam dalam menentukan sesebuah polisi berkaitan agama dalam urusan bernegara. Ia tidak menjadikan isu pelantikan pemimpin atau kerajaan sebagai tema utama tetapi lebih menjurus persoalan tanggungjawab pemimpin atau kerajaan yang mentadbir.

Tanggungjawab kerajaan seperti yang digariskan oleh al-Māwardī adalah sebagai penjaga urusan dunia dan agama.²⁶ Maka, bagi sebuah pentadbiran berteraskan Islam akan mempunyai dua skop tanggungjawab utama iaitu pentadbiran awam (*public administrative*) dan pentadbiran agama dalam bernegara. Skop kajian yang akan difokuskan adalah merujuk kepada pentadbiran agama yang melibatkan ruang awam atau polisi kenegaraan seperti undang-undang hukuman jenayah Islam. Fokus kajian ini ditetapkan bagi menilai keabsahan amalan penentuan melalui mandat popular (*al-Miṣdāqiyyah al-Ijtimā'iyah*) yang mampu menjadi alternatif bagi pihak kerajaan untuk menentukan polisi agama dalam bernegara dengan menyerahkan hak penentuan itu kepada masyarakat awam untuk memilih. Alternatif dan pilihan yang dimiliki oleh sesebuah kerajaan khususnya dalam demokrasi moden di Malaysia tidak hanya kerana sifatnya sebagai sebuah kerajaan tetapi juga sebagai sebuah parti politik atau gabungan beberapa parti politik yang dipilih pada tiap-tiap lima tahun melalui proses pilihan raya. Oleh itu, kajian tentang hubungan kait antara pemilikan kekuasaan politik (*al-Tamkīn*) oleh sebuah kerajaan akan diteliti kerana ia sangat bergantung dengan kesepakatan dalaman antara pemegang taruh (*stakeholders*) parti dan gabungan parti-parti yang membentuk kerajaan tersebut.

²⁶ al-Māwardī. *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. m/s:15.

1.6 Metodologi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, metodologi kajian yang berorientasikan pendekatan kualitatif iaitu kajian melibatkan pengumpulan dan menganalisis data. Kaedah penyelidikan perpustakaan melibatkan sumber primer dan sumber sekunder. Semua sumber yang ada akan dianalisis secara kritikal yang meliputi rujukan klasik Islam dan moden yang tersedia dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab.

1.6.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data yang dilakukan ialah melalui dua bentuk iaitu:

(a) Kajian Perpustakaan

Data adalah maklumat-maklumat yang dikumpulkan dengan tujuan untuk dianalisis dan seterusnya didokumentasikan. Fasa pendokumentasian dapat difahami sebagai proses pengumpulan bahan bertulis yang dapat memberikan berbagai macam keterangan.²⁷ Pengumpulan data melalui kajian kepustakaan dan kaedah dokumentasi melibatkan sumber primer dengan merujuk kepada teks-teks berasal dari al-Qur‘ān dan kitab-kitab tafsirnya, kitab-kitab *ḥadīth* dan rujukan *syarḥ al-Ḥadīth* yang menyentuh secara langsung dengan tema pemerintahan, tanggungjawab pemerintah. Ia juga memerlukan penelitian keatas kitab-kitab *fiqh madzhab* dan juga *ijtihād-ijtihād* klasik dan moden yang hanya melibatkan teks rujukan dalam kerangka kesarjanaan *ahl-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Sumber sekunder pula digarap dan didokumentasikan melalui tesis, buku, jurnal dan kertas kerja yang menyentuh politik Islam, isu politik-agama di Malaysia dan perdebatan perundangan serta Perlembagaan Persekutuan.

Antara perpustakaan yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat dan data-data ialah:

²⁷ Ahmad Mahdzan Ayob. (1992) **Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Suatu Pengenalan**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m/s:49.

- Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia
- Perpustakaan Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia
- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Perpustakaan Universiti Malaya, Malaysia
- Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia

Selain dari senarai perpustakaan yang disenaraikan diatas, sumber dan bahan kajian ini juga didapati dari berbagai sumber dalam talian. Sumber dalam talian yang dimanfaatkan dalam kajian ini adalah:

1. **Laman Jurnal:** JSTOR, MC SER (*Mediterranean Centre of Social and Educational Research*), *ResearchGate*, *German Institute of Global and Asean Studies (GIGA)*, *Repository@USM Open Access of USM Research & Publication*, *University of Missouri School of Law Scholarship Repository* dan Laman Web Rasmi Prof. Dr. ‘Abd al-Karīm Zaidān.
2. **Laman Web Rasmi Kerajaan dan Agensi:** Laman Web Rasmi Kerajaan Malaysia, Amerika Syarikat (USA) dan United Kingdom (UK), Parlimen Malaysia, Parlimen UK, Portal e-Syariah, *The Official Home for UK Legislation*, *Federation of American Scientists*, Laman Web Rasmi *European Union (EU)*, Laman Web Rasmi Liga Arab, Laman Web Rasmi *Organisation of Islamic Cooperation (OIC)*, Laman Web Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, Laman Web Rasmi *US Federal Election Committee*, Arkib Negara dan Laman Web Rasmi parti politik: UMNO, MCA, MIC, PAS, DAP dan PKR.
3. **Akhbar dalam talian:** Sinar Harian, Berita Harian, Mstar, Astro Awani, *BBC*, *Reuters*, *CNN*, *The Guardian*, Utusan Borneo, Utusan Malaysia dan *al-Jazeera*.

(b) Kajian Lapangan

Untuk melengkapkan penyelidikan, pengkaji menyediakan cara kedua iaitu penyelidikan berbentuk lapangan. Ia boleh dilakukan melalui sesi temubual berhadapan atau melalui telefon perbincangan dan seminar yang dihadiri.²⁸ Perbualan dengan pihak yang terlibat adalah sangat penting kerana perbualan dua hala bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian.²⁹ Kajian lapangan atau kajian luar adalah satu cara yang penting dan berkesan untuk mendapatkan data secara langsung daripada responden terutama yang terlibat dengan penggunaan teori yang dicadangkan melalui isu-isu terpilih berkenaan agama dan politik. Analisa terhadap data-data terkumpul akan mula dilakukan setelah dapatan data dapat dikenalpasti dan disilang semak. Oleh itu, terdapat tiga orang individu sumber yang ditemuramah: (a) Muhamad Rozaimi Ramle;³⁰ (b) Mohammad Agus Yusoff;³¹ dan (c) Zainul Rijal Abu Bakar.³² Pemilihan ketiga-tiga individu ini adalah kerana mereka adalah tokoh nasional yang amat dikenali umum dan punyai pandangan yang berbeza antara menyokong dan meminta ruang penambahbaikan tambahan sebelum pelaksanaan isu politik-agama yang terpilih dalam kajian ini. Respon dan jawapan terhadap soalan-soalan yang diajukan seperti yang dilampirkan dalam Lampiran di muka surat 333, banyak memberikan pencerahan lanjut atas pendirian yang diambil bagi dimuatkan sebahagiannya dalam kajian ini. Terdapat beberapa maklumat yang tidak dapat disiarkan dalam kajian atas permintaan individu sumber kerana maklumat tersebut berstatus maklumat dalaman sahaja.

²⁸ Syed Arabi Idid. (2002) **Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cet: 4. m/s: 77.

²⁹ Chua Yan Piaw. (2011) **Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua**. Kuala Lumpur: The Mcgraw-Hill Companies. m/s:128.

³⁰ Temubual bersama Prof. Madya Dr. Muhamad Rozaimi Ramli di Aras 3, Bangunan Malim Sarjana, UPSI, 35 900, Tanjung Malim, Perak pada 12 Ogos 2020 jam 4.30 petang.

³¹ Temubual bersama Prof. Datuk Dr. Agus Yusuf di No. 16, Jalan 4/10D, Seksyen 4 Tambahan, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor pada 8 September 2020 jam 3 petang.

³² Temubual bersama Dato' Zainul Rijal Abu Bakar dilakukan di No. 15-5, 5 Floor, Jalan USJ 9/5Q Subang Business Centre UEP, Subang Jaya, 47620, Subang Jaya, Selangor pada 9 September 2020 jam 11.45 pagi.

1.6.2 Kaedah Analisis Data

Setelah proses pengumpulan data seperti yang dijelaskan di atas, data-data yang diperolehi hendaklah disaring dan dianalisis bagi membantu kajian ini. Proses ini yang disebutkan sebagai aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna daripada data-data mentah.³³ Selepas daripada itu, analisis terhadap data-data tersebut akan diproses untuk menghuraikan persoalan-persoalan kajian dengan tujuan untuk menjelaskan objektif kajian.³⁴ Oleh itu, dua kaedah bagi tujuan analisa data-data terkumpul adalah seperti berikut:

(a) Kaedah Deduktif

Kaedah ini yang juga disebut sebagai kaedah *al-Istiqrā'* (الاستقراء) boleh difahami dengan kaedah analisis yang membuat pembuktian atau kesimpulan daripada persoalan yang bersifat khas kepada persoalan yang bersifat umum.³⁵ Maka, dari itu, sejumlah maklumat yang telah dikumpulkan tersebut akan dikenalpasti hubungan dengan data lain yang sedia ada.³⁶ Oleh yang demikian, keseluruhan data-data dan maklumat berkaitan kekuasaan politik serta amalan penentuan melalui mandat popular dalam al-Qur'ān dan tafsirnya, *ḥadīth* dan kitab syarahnya, *fiqh* dan *uṣulnya* serta *ijtihād-ijtihād* klasik dan moden kesarjanaan *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* akan disaring dengan teliti melalui kaedah ini.

³³ Mohd. Majid Konting. (2009) **Kaedah Penyelidikan Pendidikan**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m/s:309.

³⁴ Idris Awang. (2001) **Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan**. Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publications Universiti Malaya. m/s:94.

³⁵ M Faiz, M Yusof & N Romli. (2019) **Aplikasi Program Atlas.Ti dalam Penyelidikan Kualitatif Pengajian Pascasiswazah Bidang Pengajian Islam: Satu Cadangan Awal**. Al-Hikmah 11(1) 2019:3-21

³⁶ Roy Preece. (1994) **Starting Research: An Introduction to Academic Research and Dissertation Writing**. UK: Pinter Publishers. m/s:55.

(b) Kaedah Induktif

Memahami data-data yang terkumpul dan penganalisaan terhadapnya perlu juga diaplikasikan dengan metod analisis induktif. Kaedah induktif difahami sebagai penganalisaan data yang berasaskan pola berfikir untuk membuat kesimpulan yang bertunjangkan dalil yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus.³⁷ Ia juga dikenali sebagai metod *al-Istintāj* (الاستنتاج) dengan menetapkan kesimpulan-kesimpulan dari data-data dan penemuan yang ditemui ketika maklumat-maklumat kajian dikumpulkan. Melalui dapatan pembacaan, penelitian dan analisis data *naṣ* juga ijtihād ‘ulamā’ kemudian dibina kesimpulan berkaitan kekuasaan politik dan perincian perbincangan mengenai amalan penentuan melalui mandat popular. Antara yang diguna pakai kaedah ini adalah seperti penangguhan pelaksanaan hukuman potong tangan ke atas pencuri, pembahagian harta rampasan dalam perang *Ḥunāin* dan alasan Ka’bah yang tidak diubah kepada bentuk asalnya memberikan isyarat jelas kepada satu kesimpulan penting yang agak digariskan nanti pada Bab 2, sub-topik 2.6.2: Amalan Mandat Popular dalam Teks Klasik dan 2.7: Latarbelakang Keperluan Amalan Mandat Popular dalam Politik Kontemporari.


Penetapan ijtihād yang diputuskan oleh sarjana klasik juga dapat dikaji kesesuaiannya tatkala pandangan atau *fatwā* yang sama berubah berdasarkan faktor tempat, masa dan objek/subjek bagi ijtihād baru yang mahu diusahakan. Hal ini bakal dapat dilihat melalui perubahan kefahaman dan aplikasi terhadap *ḥadīth*: “*para imam (pemimpin) hendaklah dilantik dari Quraīsy*”. Sungguhpun ia adalah sebuah persetujuan majoriti mazhab empat, namun perubahan kefahaman melalui analisa

³⁷ M Faiz et al. (2019) Aplikasi Program Atlas.Ti dalam Penyelidikan Kualitatif Pengajian Pascasiswazah Bidang Pengajian Islam: Satu Cadangan Awal. *Al-Hikmah* 11(1) 2019:3-21

tekstual atau kritikan matan (*naqd al-Matn*) seperti yang disebutkan oleh Ibn Khaldūn dalam Bab 2, sub-topik 2.6.2(b) Pemimpin adalah dari Quraīsy.

Digunakan kaedah induktif dalam kajian ini juga dalam menghasilkan lima (5) syarat aplikasi Amalan Mandat Popular (*al-Miṣḍāqiyyah al-Ijtimā'iyah*) yang digarap dari perbincangan al-Mālikī dalam karyanya *Siyādah al-Ummah*, perbincangan ahli akademik seperti Prof. Dr. Vernon Bogdanor, pensyarah bidang Pengurusan Kerajaan di *King's College of London* dan ahli politik Konservatif, Alan Duncan pasca *Brexit Referendum* dan contoh dari *Political Parties, Elections and Referendum Acts 2000 UK*.

1.7 Carta Alir Kajian



1.8 Definisi Operasional

Kajian menggariskan beberapa definisi operasional ke atas terma-terma yang akan digunakan dalam kajian ini, di mana terma-terma berikut adalah berdasarkan definisi operasional yang dibincangkan di bawah:

- a- **Kekuasaan Politik atau *al-Tamkīn***. Ibn ‘Āsyūr mendefinisikannya sebagai *al-Tawthīq* iaitu kepercayaan atau mandat. Dan beliau menjelaskan tanggungjawab ini kepada urusan dunia dan agama, menegakkan yang *ma’rūf* dan menolak urusan yang disebut sebagai *munkar* seperti yang digariskan dalam ayat 41 surah al-Ḥajj.³⁸ Namun, bagi maksud kajian ini, definisi yang ditetapkan oleh pengkaji selari dengan takrifan oleh al-Māwardī dan Ibn ‘Āsyūr adalah pemerolehan kekuasaan politik atau mandat dalam mentadbir dan menetapkan dasar urusan negara (agama dan dunia).
- b- **Mandat Popular atau *al-Miṣdāqiyyah al-Ijtimā’iyyah***. Takrifan terpilih untuk kajian ini oleh pengkaji adalah satu prinsip politik yang menunjangi keabsahan dan kelangsungan sesebuah sistem pemerintahan dengan mengambil kira persetujuan dan sokongan umum rakyat. Amalan penentuan melalui mandat popular atau *al-Miṣdāqiyyah al-Ijtimā’iyyah* ini bakal memperlihatkan bagaimana persetujuan dan dukungan umum rakyat itu dapat menatijahkan penangguhan atas pelaksanaan sesuatu hukum *syara’*. Konsep ini tidak sama menjadikan masyarakat awam melalui mandat popular itu sebagai justifikasi kebenaran dalam urusan agama tetapi yang ruang penglibatan awam adalah dalam penentuan terhadap status pelaksanaan undang-undang Islam dalam urusan bernegara. Hakikat Islam sebagai agama yang diwahyukan Allāh *subḥānahu wa ta’ālā* kepada Nabī *ṣallallāhu ‘alaihi wa*

³⁸ Ibn ‘Āsyūr. **al-Taḥrīr wa al-Tanwīr**. Jil:17, m/s:280.

sallam yang tidak akan sama sekali berubah walau dengan persetujuan mandat popular. Syariat Islam yang telah sempurna dari segenap segi akan kekal seperti mana ia telah dilengkapkan dengan kewafatan Nabī *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*. Konsep ini dipastikan tidak akan digunakan untuk menilai seperti status kenabian Nabī *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* atau status al-Qur‘ān atau al-*Ḥadīth* sebagai rujukan utama Islam. Ini kerana keduanya adalah bersifat *qaṭ‘ī* yang tidak berubah sama sekali. Namun, penentuan keputusan melalui mandat popular adalah merujuk khusus kepada pelaksanaan *al-Syarī‘ah* yang bersifat *ijtihādī* (yang terikat dengan faktor tempat, masa dan halangan).³⁹

1.9 Sorotan Literatur

Tesis ini akan banyak berkisar dan memfokuskan kepada perbahasan politik dalam dua aspek iaitu keserjanaan klasik politik Islam dan pelaksanaan polisi kenegaraan yang berkait rapat dengan tuntutan Islam dalam dunia moden. Kajian kesusasteraan atau sorotan kajian lepas akan membincangkan beberapa tema yang berkaitan dengan kajian ini iaitu kajian-kajian lalu berkaitan kekuasaan politik atau *al-Tamkīn*, mandat popular atau *al-Miṣdāqīyyah al-Ijtimā‘īyyah* (mandat popular), sistem dan ideologi politik dari perspektif Islam.

1.9.1 Perkembangan dan Dinamika Klasik Penulisan Politik Islam

Penggunaan istilah *al-Siyāsah al-Syarī‘īyyah* atau Politik Islam yang digunakan secara luas dalam penulisan moden hari ini hakikatnya tidak digunakan oleh generasi *salaf al-Ummah* dikalangan sahabat, *tābi‘īn* mahupun *tābi‘ al-Tābi‘īn*. Adapun penggunaan

³⁹ al-Mālikī, ‘Abdullāh. (2013) *Siyādah al-Ummah qabl Taṭbīqī al-Syarī‘ah nahwa Fadhāi amthal li Tajsīd Mabādi’ al-Islām*. Beirut: al-Syabakah al-‘Arabīyyah li al-Abhāth wa al-Nasyr. Cet:2.m/s:12-14.

istilah ini dapat dikesan apabila ia dijadikan sebahagian tajuk karya tulisan Ṭāhir bin al-Ḥusāin bin Razīq al-Khuzā‘ī yang wafat pada tahun 207 hijrah; *al-Waṣiyyah fi al-Ādāb al-Dīniyyah wa al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*.⁴⁰ Istilah *al-Siyāsah al-Syar‘iyyah* lebih popular dan kerap digunakan bagi merujuk kepada perbincangan politik Islam sungguhpun sekurang-kurangnya terdapat dua istilah lain yang digunakan oleh sarjana Islam dalam karya-karya mereka seperti *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*⁴¹ oleh al-Māwardī (wafat: 364H) dan Abū Ya’lā al-Farrā’ (wafat: 451H) serta *al-Iyālah*⁴² oleh al-Juwainī (wafat:478H) dalam kitabnya *Ghiyāth al-Umam fī al-Tiyāth al-Umam*.⁴³

Karya tulisan di kurun ke-4 oleh al-Māwardī telah memuatkan lapan dari dua puluh bab yang dimuatkan dalam *magnum opus* tulisannya, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* teori-teori umum dan asas berhubung politik kenegaraan bermula dengan falsafah pembinaan pemerintahan sama ada tuntutan beragama atau tuntutan akal yang tidak terikat dengan agama.⁴⁴ Oleh yang demikian, kaedah pemerolehan kekuasaan politik ada dibincangkan dalam perbincangan akademik klasik sungguhpun al-Māwardī sendiri tidak membuat kesimpulan akhir sama ada pemerolehan kekuasaan politik dalam negara dan pembentukan kerajaan itu tuntutan agama atau keperluan kemanusiaan.⁴⁵ al-Māwardī juga memperlihatkan pendiriannya yang tidak jelas dalam menentukan keperluan atau kewajipan membina kerajaan tersendiri dalam negara umat Islam apabila menyentuh dibawah sub-topik ‘*fī bayān ḥukm al-Khilāfah*’ (penjelasan hukum mendirikan *Khilāfah*).⁴⁶

⁴⁰ Akram Kassāb. (2019) **al-Siyāsah al-Syar‘iyyah: mabādi’ wa mafāhīm, dhawābiṭ wa maṣādir**. Mansouira: Dār al-Kalimah. m/s:35

⁴¹ *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*: hukum hakam pemerintahan.

⁴² *al-Iyālah*: pembaikan dan politik/pengurusan. Ibn Manẓūr, Moḥammad bin Makram bin ‘Alī. (1992) **Lisān al-‘Arab**. Beirut: Dār al-Ṣādir. Cet:3. Jil:11, m/s:34.

⁴³ Akram Kassāb. **al-Siyāsah al-Syar‘iyyah: mabādi’ wa mafāhīm, dhawābiṭ wa maṣādir**. m/s:35

⁴⁴ al-Māwardī. **al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah**. m/s:375-376

⁴⁵ *ibid.* m/s:15

⁴⁶ *ibid.* m/s:17

Hal ini berbeza dengan pendekatan yang diambil dan dipilih oleh Ibn Taimiyyah di kurun ke-8 apabila secara tuntas menganggap pemilihan ketua atau pemerintah adalah wajib kerana dengannya agama mampu diuruskan dan ditegakkan.⁴⁷ Namun begitu, dalam kejelasan Ibn Taimiyyah berpegang akan kewajipan mempunyai pemimpin dan kerajaan, beliau kurang memberikan perincian kaedah dan kriteria khusus pemilihan seorang pemimpin berbanding al-Māwardī yang lebih terperinci.

Keadaan yang sama berlaku dalam penulisan Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah*. Walaupun boleh dianggap Ibn Taimiyyah dan anak muridnya, Ibn Qayyim lebih terkehadapan dan terbuka dalam fatwa politik, penulisan mereka tidak disusun secara sistematik menjelaskan fundamental politik Islam dalam membentuk asas bernegara khususnya pemilihan ketua kerajaan. Kebanyakan bab-bab yang disusun dalam kitab *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah* adalah lebih bersifat hukum hakam *fiqh* umum seperti *al-Luqaṭah* (kehilangan barang), penyaksian kes, hutang, kes zina, jual beli dan sebagainya. Namun begitu, terdapat perbincangan *uṣūl al-Ḥadīth* dan *uṣūl al-Fiqh* dalam celahan perbincangan hukum hakam tersebut.⁴⁸

Kekurangan perincian dan tiada pengembangan tajuk kenegaraan mahupun dalam konteks *khilāfah* karya tulisan sarjana Islam disimpulkan oleh Ṣalāḥ Anwār ‘Abd Farḥān disebabkan bimbang tersepit dalam *fitnah* atau takutkan seksaan pemerintah zaman tersebut.⁴⁹

⁴⁷ Ibn Taimiyyah, Taqī al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm. (2005) **al-Siyāsah al-Syar‘iyyah**. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Cet:4. m/s:137

⁴⁸ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Syams al-Dīn Moḥammad bin Abī Bakr. (1995) **al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syar‘iyyah**. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. m/s:259-263

⁴⁹ ‘Abd Farḥān, Ṣalāḥ Anwār. (2013) **al-Siyāsah al-Syar‘iyyah fī Kitāb Faṭḥ al-Bārī li Ibn Ḥajr al-‘Asqalānī**. Kaherah: Dar al-Salam. m/s:325

1.9.2 Politik Islam dalam Karya Penulisan Kontemporari

Bagi Anat Lapidot, adalah tidak mudah untuk menyimpulkan mengapa tokoh keserjanaan Islam klasik tidak mengembangkan teori politik Islam secara terperinci dan menyeluruh. Namun bagi beliau, disebabkan sumber perbincangan teori klasik yang tidak komprehensif itu menyebabkan kajian politik Islam kontemporari punyai kecenderungan menggunakan latar politik Barat dalam tulisan kesusateraan politik mahupun amalan bernegara mereka.⁵⁰

Penulisan akademik kontemporari oleh sarjana Islam dapat dilihat berusaha keras memperbanyakkan rujukan-rujukan teori politik Islam yang tidak sahaja mengembangkan perbincangan politik oleh sarjana klasik namun menjadikan perbincangan yang lebih realistik. Apa yang dimaksudkan dengan perbincangan yang realistik adalah kewujudan teori politik Islam yang mengarah kepada tanggungjawab pemerolehan kuasa dan membentuk pemerintahan dengan sistem yang tidak dikenali dalam pemerintahan kerajaan umat Islam lampau khususnya sistem demokrasi.

Anat Lapidot dalam tesis PhD yang ditulis di University of Durham yang bertajuk *Islam and nationalism: a study of contemporary Islamic political thought in Turkey, 1980-1990*⁵¹ telah menguji dalam tesisnya ini bagi menghubungkan keserasian antara nasionalisme dengan Islam. Beliau menyebutkan bahawa objektif utama tesis ini adalah bagi menilai dan mengkaji keserasian melalui idea nasionalisme dan kewajarannya dalam Islam. Pengenalan yang agak mendalam dibawa oleh Anat Lapidot berkenaan definisi nasionalisme dan bagaimana kelompok penerima dan penolaknya dalam kerangka keserjanaan Islam.

⁵⁰ Lapidot, Anat. (1995) **Islam and nationalism: a study of contemporary Islamic political thought in Turkey, 1980-1990**. Phd thesis, University of Durham. m/s:87.

⁵¹ *ibid.*